

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, June 18, 2019 8:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki Penerima Tunggal Geran Penyelidikan FRGS-MRSA 2018



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JUN 2019 / 14 SYAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Ihsan Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki

**PROF. TS. DR. NORAZAH MOHD SUKI PENERIMA TUNGGAL GERAN PENYELIDIKAN
FRGS-MRSA 2018**



UUM ONLINE: Selepas mengharumkan nama UUM dengan menerima Malaysia's Research Star Award (MRSA) 2018, penyelidik dari Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki terpilih menjadi penerima tunggal dari UUM untuk menerima geran penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental - Malaysia's Research Star Award (FRGS-MRSA) 2018.

Prof. Ts. Dr. Norazah berkata, beliau bersyukur dan menghargai inisiatif Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada penyelidik tempatan.

"Tawaran geran ini adalah susulan daripada kejayaan penghasilan penyelidikan dan penulisan ilmiah berkualiti yang mana ia berjaya diterbitkan serta diindeks ke dalam pangkalan data antarabangsa terkemuka.

"Geran ini adalah usaha Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM untuk melonjakkan penyelidik tempatan dalam penghasilan penerbitan yang berkualiti, seterusnya membangunkan keterlihatan global dengan lebih luas dan kepercayaan terhadap jenama pendidikan tinggi Malaysia," katanya.

Beliau berkata, tawaran geran kepada 13 penyelidik itu adalah berdasarkan kertas cadangan projek penyelidikan yang menepati Garis Panduan FRGS-MRSA dan tempoh penyelidikan adalah selama dua tahun sahaja dengan siling peruntukan bagi menjalankan projek penyelidikan tidak melebihi RM250,000.

Menurutnya penerima geran tersebut perlu menghasilkan sekurang-kurangnya lima penerbitan (*original article*) dalam jurnal berindeks ISI yang tersenarai dalam Q1 dan merupakan seorang Pasca-Doktoral atau Pembantu Penyelidik Siswazah PhD mod penyelidikan sepenuh masa.

Prof. Ts. Dr. Norazah telah menerbitkan lebih daripada 300 kertas kerja dalam jurnal yang dirujuk, bab di dalam buku, buku dan kertas persidangan yang memperincikan aktiviti penyelidikan, di samping menyelaraskan dan mengambil bahagian dalam beberapa projek penyelidikan.

Beliau mencatatkan SCOPUS h-index sebanyak 16, disamping berpengalaman menjadi editor buku yang diindeks SCOPUS, malah beberapa penulisan beliau turut diterbitkan dalam *Journal of Cleaner Production* (Impact Factor: 5.651).

Beliau juga merupakan penerima Malaysia's Research Star Award pada tahun lalu bagi kategori Anugerah Prominent Topics in Research yang disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Mohd Ghazali Abas yang mewakili Menteri Pendidikan Malaysia.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.